

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 NOVEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6

Subsidi diesel RM14 bilion setahun

Subsidi diesel RM14 bilion setahun

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan menjangkakan menanggung perbelanjaan subsidi diesel secara purata melebihi RM1 bilion sebulan atau RM14 bilion tahun ini. Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata,

perbelanjaan itu diunjur berdasarkan senario semasa.

"Jumlah keseluruhan subsidi yang telah ditanggung oleh kerajaan ke atas produk diesel bagi 2018 sehingga 2022 melebihi RM35 bilion.

"Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.9 bilion dibelanja untuk super subsidi diesel sektor perikanan dan hampir RM1 bi-

lion bagi pengangkutan awam.

"Bagi sektor kenderaan barangan, harga super subsidi tidak diperuntukkan memandangkan harga belian diesel sama dengan harga runcit diesel di stesen minyak," katanya dalam jawapan bertulis Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Wong Shu Qi [PH-Kluang] meminta kerajaan menyatakan jum-

lah subsidi diesel yang dibelanja setiap tahun bermula 2018 sehingga kini.

Subsidi tersebut termasuk sektor perikanan, kenderaan perdagangan dan persendirian.

Beliau juga mahu kerajaan memberi pencerahan akan impact kepada kedudukan kewangan negara jika subsidi diesel diteruskan.

Kata Anwar, tujuan pemberian subsidi itu adalah bagi mengelakkan pengguna terkesan dengan kenaikan harga pasaran sebenar produk petroleum di peringkat global.

"Ketika ini, harga jualan runcit diesel ditetapkan pada kadar RM2.15 seliter ketimbang harga pasaran iaitu RM3.75 seliter," katanya.